

Kejadian jenayah pecah rumah kerap berlaku di kawasan perumahan. Tapi itu bukan bererti penjenayah itu hebat dan licik. Ia berkait rapat beberapa faktor diwujudkan pemilik rumah itu sendiri seperti ruang, peluang dan aspek persekitaran yang terdedah kepada jenayah ini.

Komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta masyarakat sendiri memainkan peranan dalam menyumbang atau mengurangkan kes daripada terus berlaku.

Walaupun kes pecah rumah dikategorikan jenayah kelima paling banyak dilaporkan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang, umum seharusnya tidak memandang enteng langkah pencegahannya.

Sering kali kejadian jenayah ini dilaporkan berlaku pada waktu malam. Kini penjenayah tidak lagi memilih waktu melakukannya, malah tergamak menggunakan senjata mengugut penghuni rumah menyerahkan barang berharga kepada mereka pada siang hari. Pecah rumah adalah kesalahan jenayah tertakluk di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574).



Kes pecah rumah berlaku apabila peluang dan ruang wujud di depan mata penjenayah. - Gambar hiasan

Jenayah **pecah masuk** rumah

Sinar 9/9/13 MS9.

DEFINISI JENAYAH PECAH RUMAH

JIKA seseorang masuk atau keluar melalui mana-mana laluan dengan memanjat mana-mana dinding atau bangunan untuk pencerobohan.

Jika masuk atau keluar melalui laluan terbuka dan melakukan pencerobohan tanpa kebenaran pemilik.

Jika masuk atau keluar dengan membuka mana-mana kunci untuk melakukan pencerobohan rumah atau

untuk keluar dari rumah itu selepas melakukan pencerobohan rumah itu.

Jika masuk atau keluar rumah dengan menggunakan kekerasan jenayah atau melakukan serangan, atau dengan mengugut hendak menyerang seseorang.

Jika masuk atau keluar melalui mana-mana laluan yang diketahui telah ditutup, berkunci tanpa kebenaran penghuni dan pemilik.

Penjenayah

1. Individu atau kumpulan bukan sindiket

- Kebiasaannya individu atau kumpulan ini tidak mempunyai perancangan yang khusus. Mereka tidak meletakkan sebarang sasaran atau jenis harta yang akan dicuri.
- Kajian juga mendapati bahawa mereka ini banyak bergantung kepada faktor ruang, waktu dan peluang yang sesuai untuk melakukan jenayah ini.
- Kebanyakan mereka dikesan melakukan jenayah ini bagi mendapatkan wang untuk berhibur, membeli dadah serta menampung gaya hidup mereka.

2. Individu atau kumpulan secara sindiket

- Kebiasaannya individu atau kumpulan ini melakukan jenayah ini secara terancang, membuat kajian ke atas sasaran dan jalan keluar masuk, memilih sasaran ke atas rumah yang hendak dimasuki serta memilih jenis harta yang akan dicuri.
- Kebiasaannya ahli kumpulan akan diletakkan sebagai pemerhati di kawasan berhampiran, menggunakan kelengkapan alat pecah rumah, memakai sarung tangan dan topeng muka serta menggunakan kenderaan yang sesuai ketika melakukan jenayah.
- Mereka didapati melakukan jenayah ini atas alasan sebagai satu jalan mudah untuk mendapatkan wang, memperkukuhkan kedudukan kewangan kumpulan, berhibur serta satu cara mudah untuk menampung gaya kehidupan mewah.

PERANAN PEMILIK RUMAH

- Memaklumkan ke balai polis dan jiran terdekat sekiranya meninggalkan rumah lebih tiga hari.
- Memasang alat keselamatan tambahan pada pintu utama sentiasa pasang lampu bila keluar malam.
- Pastikan pintu, tingkap dan pintu pagar berkunci sebelum meninggalkan rumah atau tidur.
- Hentikan langganan akhbar atau roti supaya tidak meninggalkan sebarang tanda rumah tiada berpenghuni.
- Jangan amalkan meletakkan kunci rumah di bawah alas kaki, pasu bunga atau rak kasut.
- Tidak meletakkan barang bernilai di sekitar atau dalam rumah yang dapat dilihat dari luar.

HUKUMAN

PENCEROBOHAN rumah dengan bersembunyi atau melakukan pecah rumah bagi maksud melakukan sesuatu kesalahan boleh diseksa dengan penjara, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun, dan boleh dikenakan denda. Jika kesalahan mencuri dilakukan maka tempoh penjara itu boleh dilanjutkan hingga 14 tahun; dan bagi mana-mana satu kesalahan itu yang dilakukan kali kedua boleh dikenakan denda atau sebat.

Lokasi sasaran kes pecah rumah:

- Sebanyak 60 peratus kes pecah rumah dilaporkan berlaku di kawasan kediaman vertikal (rumah pangsa, apartmen, kondominium dan premis perniagaan terletak di dalam bangunan tinggi).
- Hampir 40 peratus kes pecah rumah berlaku di perumahan horizontal (rumah murah, kos sederhana rendah, rumah teres, semi-D, banglo dan pejabat atau premis perniagaan tidak bertingkat dan tidak bertingkat).

* Kajian dijalankan menunjukkan dalam kawasan pentadbiran IPD Serdang kegiatan jenayah ini dilakukan oleh individu dan kumpulan bebas dan juga oleh kumpulan secara bersindiket.



Sebahagian barangan berharga dilarikan penjenayah pecah rumah.

MODUS OPERANDI

1. Kawasan perumahan vertikal (bertingkat) - penjenayah masuk ke dalam rumah melalui pintu depan dengan cara mengumpul, memotong pintu jeriji, memotong mangga kunci dan rantai dan keluar ikut jalan yang sama. Penjenayah masuk ke dalam rumah melalui tingkap dengan mengumpul pengadang besi dan kemudian keluar ikut pintu depan.

2. Kawasan perumahan horizontal - penjenayah akan memanjat tembok atau dinding bahagian depan atau belakang rumah dan kemudiannya masuk dengan cara mengumpul pintu atau tingkap, memotong rantai, mangga kunci, atau rantai dan dari pintu depan atau belakang rumah tersebut.



Rondaan vertical policing dilakukan anggota PDRM berjaya menurunkan jenayah pecah rumah sebanyak 70 peratus di kawasan IPD Serdang.